



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PEJABAT PENDAFTAR

Bilangan 23 / 2006

Kepada
Dekan Fakulti
Ketua Pusat/ Ketua Bahagian/ Ketua Unit
Pengarah Kampus

Yang Berbahagia Datuk / Dato' / Datin / Prof. / Tuan / Puan

TINDAKAN PUNITIF ATAUPUN TATATERTIB KE ATAS STAF

Berhubung dengan perkara di atas, sayugia dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Eksekutif UiTM dalam mesyuaratnya yang ke 6 pada 1 Mac 2006 telah membuat keputusan supaya tindakan punitif atau tatatertib diambil terhadap staf yang didapati melakukan salahlaku dibawah Akta 605.

Dekan Fakulti/ Ketua Bahagian / Pengarah Kampus Cawangan diminta melaporkan semua kes-kes salahlaku staf kepada Jawatankuasa/Lembaga Tatatertib Kakitangan untuk diambil tindakan lanjut, selaras dengan Peraturan 21 (1) dan (2), Jadual Kedua, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] Akta yang sama berbunyi seperti berikut:


" 21 (1) Adalah menjadi tanggungjawab tiap-tiap pegawai untuk menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai-pegawai bawahannya dan untuk mengambil tindakan yang bersesuaian bagi apa-apa pelanggaran peruntukan Peraturan-Peraturan ini.

(2) Seseorang pegawai yang tidak menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai-pegawai bawahannya, atau tidak mengambil tindakan terhadap pegawai bawahannya yang melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini adalah disifatkan telah cuai dalam melaksanakan tugasnya dan tidak bertanggungjawab, dan dia boleh dikenakan tindakan tatatertib".

Yang Berbahagia Datuk / Dato' / Datin / Prof / Tuan / Puan diharap dapat memantau dan mengambil tindakan kepada staf yang melakukan salahlaku dan tidak mengambil sikap tidak apa atau "condonation" akan perlakuan salahlaku staf tersebut.

Sekian. Harap Maklum

Yang benar



RABIAH LATIF
Pendaftar

Bil. Fail : 100-BPD(UPD.6/3)
Tarikh : 23 Mac 2006

/haha